

**Najib Kekal Ketua Umno Bahagian Pekan  
Bernama  
21 Sept, 2013**

PEKAN, 21 Sept (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak mengekalkan jawatannya sebagai Ketua Umno Bahagian Pekan pada pemilihan parti bulan depan apabila tiada pertandingan bagi jawatan itu semasa proses pendaftaran calon Sabtu.

Perdana Menteri yang memegang jawatan ketua bahagian itu sejak 1982 tidak dicabar mana-mana calon selepas tempoh pendaftaran calon peringkat jawatankuasa bahagian ditutup 5 petang ini.

Borang pencalonan Najib untuk bertanding jawatan Ketua Umno bahagian itu sebelum itu diserahkan melalui wakilnya, Setiausaha Umno Bahagian Pekan Datuk Zainal Abidin Pa' Wan, di Bangunan Umno Pekan di sini pukul 10 pagi.

Ia diserahkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Khas Pemilihan Umno Negeri Pahang Datuk Seri Abdul Jabbar Ibrahim.

Abdul Jabbar ketika dihubungi Bernama berkata daripada 14 bahagian Umno di Pahang, sebanyak sembilan bahagian menyaksikan pertandingan merebut jawatan ketua bahagian.

Bahagian terlibat - Kuantan, Maran, Jerantut, Raub, Paya Besar, Indera Mahkota, Bera, Kuala Krau dan Cameron Highlands.

Lima lagi bahagian termasuk Pekan yang tiada pertandingan ketua bahagian itu ialah Temerloh, Bentong, Lipis dan Rompin.

Di BENTONG, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob turut mengekalkan jawatannya sebagai ketua bahagian selepas tiada calon lain mencabarnya untuk jawatan itu.

Adnan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang memegang jawatan Ketua Umno bahagian Bentong sejak tahun 1985.

Sementara itu di BERA, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang juga penyandang ketua Umno bahagian Bera sejak 2004 akan dicabar bekas Setiausaha Politiknya Datuk Mohd Azizan Che Omar bagi merebut jawatan ketua Umno bahagian itu.

Mohd Azizan ialah Ketua Pemuda Umno Bahagian Bera selama dua penggal sejak 2004, juga bekas Setiausaha Politik kepada Ismail Sabri ketika memegang jawatan sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan selama satu penggal.

Di ROMPIN, bekas menteri kabinet, Datuk Seri Dr Jamaluddin Jarjis turut mengekalkan jawatannya sebagai ketua bahagian itu selepas menang tanpa bertanding.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=979488>

